

KULIAH SUBUH
HARI KELUARGA KEBANGSAAN TAHUN 2014

Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Selaku Tetamu Kehormat
Di Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2014
Dengan Tema “Keluarga Berwawasan”

Pada Hari Ahad
04 Rejab 1435 bersamaan 04 Mei 2014
Jam 4.30 pagi

Bertempat
Di Masjid Universiti Brunei Darussalam
Negara Brunei Darussalam.

***KULIAH SUBUH HARI KELUARGA KEBANGSAAN
TAHUN 2014***

Tafsir Ayat 21 Surah Ar-Rum

**“SUPAYA KAMU
CENDERUNG DAN MERASA SENANG KEPADANYA”**

Pendahuluan

Keluarga terbentuk menerusi perkahwinan. Pasangan suami isteri melahirkan anak-anak. Kemudian anak-anak daripada sebuah keluarga akan berjodoh dengan anak-anak daripada keluarga lain atau dengan anggota dalam satu keluarga yang besar dan melahirkan lagi anak-anaknya.


Itulah sebahagian daripada *sunnatullah*, aturan dan cara yang ditentukan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* bagi memungkinkan zuriat manusia itu terus berkembang.

Tetapi apakah itu bermakna bahawa tujuan perkahwinan hanya semata-mata untuk melahirkan zuriat, menurunkan keturunan?

Jika sedemikian itu halnya adakah pula perkahwinan itu semata-mata didorongkan oleh adanya keinginan *seksual*. Ini ialah kerana anak-anak yang menjadi zuriat keturunan itu adalah hasil daripada hubungan *seksual* ibu bapanya setelah perkahwinan.

Kita cari jawabannya menerusi firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, ayat 21 dari surah ar-Rum (dalam Juz 21):

Tujuan Perkahwinan



Tafsirnya: “Dan antara tanda-tanda kekuasaanNya bahawa Dia menciptakan bagi kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa senang kepadanya dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan rahmat (belas kasihan). Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang (mahu) berfikir”.

Ayat 21 ini adalah serangkaian ayat-ayat yang membawakan tema tentang tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wa Ta’ala bermula dari ayat 20 hingga 25 dalam surah ar-Rum.

Dalam ayat 20 Allah Subhanahu Wa Ta’ala menyatakan bahawa antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menciptakan asal usul manusia iaitu Adam ‘alaihissalam daripada tanah, kemudian apabila telah menjadi manusia yang berkembang biak lalu bertebaran di merata bumi.

Kejadian manusia dari asal Adam yang membiak dan bertebaran di merata bumi itu kemudian menjadi tanda kebesaran dan kekuasaan Allah pula dengan menciptakan mereka pasangan (isteri-isteri) dari kalangan sesama manusia juga.


Pada ketika itulah Allah menyatakan hikmah berpasangan suami isteri itu iaitu perkahwinan dengan menyebut *litaskunu ilaiha* yakni *supaya kamu merasa cenderung dan merasa tenteram kepadanya*. Kecenderungan dan perasaan tenteram berpasangan menjadi suami isteri itu membuahkan pula apa yang disebut oleh Allah *mawaddatan warahmatan* yakni perasaan kasih sayang dan belas kasihan terhadap satu sama lain.

Perasaan cenderung dan merasa tenteram kepada isteri pasangan hidup itu memberikan isyarat bahawa tujuan perkahwinan ialah sebagai jalan untuk memperoleh ketenteraman dengan jalinan kasih sayang dan belas kasihan sesama pasangan suami isteri. Menerusinya akan melahirkan zuriat keturunan. Zuriat keturunan itu pula adalah menepati tujuan Allah Subhanahu Wa Ta'ala menciptakan manusia untuk berkembang biak dan bertebaran di merata bumi seperti yang disebutkan dalam ayat 20 sebelumnya.

Apa pula kedudukan seks dalam perkahwinan?

Memang tidak dinafikan dan bahkan Allah Subhanahu Wa Ta'ala menerusi firmanNya memperakukan kedudukan seks (yakni hubungan kelamin suami isteri). Ianya adalah suatu yang wajar sebagaimana perkahwinan itu adalah wajar menurut tabi'at semula jadi manusia sendiri.

Perhatikan sebahagian kandungan ayat 187 Surah Al-Baqarah, Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:





Tafsirnya: “... Allah mengetahui bahawasanya kamu mengkhianati diri sendiri, lalu Dia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu. Maka sekarang **campurilah isteri-isteri kamu**, dan carilah apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kamu...”

Firman Allah sedemikian adalah berikutan daripada kebiasaan amalan yang dilakukan di zaman permulaan Islam, iaitu mengharamkan makan minum dan jima' dengan isteri setelah sembahyang 'Isya' pada malam Ramadhan. Dengan turunnya ayat ini kebiasaan amalan tersebut dimansuhkan yang disambut dengan penuh kegembiraan.

Maka itu memberikan isyarat bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* memperakukan keperluan hubungan seks suami isteri. Para suami pada zaman permulaan Islam itu telah menahan diri daripada memenuhi keperluan mereka untuk *menggauli* atau *mencampuri* isteri masing-masing pada atau selepas waktu Isya' dalam bulan Ramadhan. Lalu Allah membenarkan mereka berbuat sedemikian bahkan menyuruh mereka mencari atau mendapatkan zuriat yang baik daripada hubungan seks suami isteri itu.

Dalam konteks memperakukan keperluan kepada seks suami isteri itu Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman dalam ayat yang sama dengan menggunakan kata sindiran:




Tafsirnya: “mereka – isteri kamu – itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula adalah sebagai pakaian bagi mereka”.

Ini telah dimaknakan sebagai satu sindirian kepada perhubungan suami isteri kerana mereka adalah saling memerlukan antara satu sama lain seperti halnya pakaian yang dipasang bagi keperluan menutup aurat.

Namun ia juga dapat dimaknakan bahawa mereka itu dengan memenuhi keperluan seks suami isteri memberikan ketenangan (*sakanun*), yakni mendapat ketenangan setelah adanya kecenderungan kepada pasangannya yang membawa gejolak nafsu. Ini didasarkan kepada maksud kalimat *sakanun* yakni *ketenangan* itu ialah setelah adanya gejolak perasaan gelisah.

Dan seterusnya dapat lagi dimaknakan sebagai pakaian itu ialah masing-masing si suami dan si isteri melindungi pasangannya daripada melepaskan atau memuaskan nafsunya secara haram, tegasnya di luar perkahwinan.

Kerana itu pula Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dalam firmanNya dalam ayat 223 surah al-Baqarah menyerukan supaya si suami menggauli isterinya dengan mengibaratkan si isteri itu ladang supaya diusahakan selayaknya dengan sempurna bagi mendatangkan hasil yang sempurna pula, iaitu zuriat keturunan:















Tafsirnya: “Isteri-isteri kamu adalah sebagai ladang (tanaman) bagi kamu (sebagai tempat menyemai benih-benih keturunan). Maka datangilah ladang kamu itu menurut cara yang kamu sukai (asalkan wajar dan tidak memudharatkan) dan utamakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu (ketika melakukan persetubuhan seperti membaca basmalah dan do’a) dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemuiNya (di akhirat). Maka berikanlah khabar gembira (wahai Nabi Muhammad) kepada orang-orang beriman.”

Perkahwinan Sebagai Pembentuk Keluarga

Tidak syak lagi bahawa sebuah keluarga adalah bermula daripada satu perkahwinan.


Kita biasa menyebut berkahwin itu ialah juga bermakna mendirikan rumah tangga.

Artinya: Keluarga dan rumah tangga itu adalah bermula daripada perkahwinan. Maka keluarga yang bahagia, rumah tangga yang kukuh dan aman mestilah datang daripada suatu perkahwinan yang berjaya.

Ingat bahawa perkahwinan itu disifatkan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* sebagai             (dalam ayat 21 Surah An-Nisaa’) iaitu ikatan kukuh suami isteri, dengan si isteri telah mengambil dari si suami perjanjian yang kukuh. Keduanya bersama membentuk keluarga dengan bersama pula memberikan komitmen untuk menjaga kekukuhan ikatan yang terjalin antara mereka itu.

Kerana itu kita dapat pula menyebutnya sebagai perkahwinan yang berkat yang membawa arti ianya suatu perkahwinan yang menurut hukum Allah yang mendapat redhaNya.

Ia berkat kerana dimulai dan dan dikuti dengan tata cara dan gaya yang tidak mengundang murka Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Oleh yang demikian keluarga yang terbentuk daripada perkahwinan yang berkat insya Allah akan dilindungi dan dirahmati Allah. Ianya akan selamat, kukuh selama mana  yang terjalin antara suami isteri terpelihara dengan baik, tidak dipersesiakan, tidak diabaikan.


Itulah keluarga yang bahagia yang sangat diharap-harapkan hasil daripada suatu perkahwinan yang dijalin dengan tali halus perasaan saling mencenderunggi antara suami isteri, tenang tenteram berkasih sayang serta saling bertimbang rasa yang datang dari belas kasihan dan saling simpati terhadap sesama ahli keluarga.

Bagaimana Keluarga Impian Kita


Orang terbiasa memikirkan kebahagiaan keluarga itu dengan kejayaan mencapai atau memperolehi impian-impian dan cita-cita menurut yang diinginkan.

Mungkin itu tidak menjadi masalah. Kerana apa-apa yang diinginkan itu meliputi juga hal-hal ukhrawi, tidak terhad kepada hal-hal duniawi semata-mata. Bukankah kita biasa memohon

kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dalam banyak kesempatan dengan doa:



Maka impikanlah kebahagiaan keluarga itu suatu corak kebahagiaan yang dinikmati sewajarnya semasa kita masih di dunia ini dan sekaligus ianya membawa kesan yang baik untuk kehidupan kita di akhirat.

Dan hal itu tentu sahaja bertolak daripada perkahwinan yang merupakan simpulan *ikatan kukuh* -  itu.

Maka mari kita bayangkan dengan mengikuti firman-firman Allah berikut:

Pertama: Mengenai suami isteri yang kekal dalam simpulan *mitsaqan ghaliza* itu sekali pun takdirnya mereka dipisahkan semasa di dunia oleh kematian, namun mereka akan masih dipertemukan oleh Allah semasa di akhirat:




Tafsirnya:

Mereka dan pasangan-pasangan mereka (berada) di tempat yang teduh, duduk sambil bersandar di atas pelamin-pelamin yang berhias.

Surah Yasin: 56


Kedua: Mengenai anggota keluarga mereka, apakah akanizinkan oleh Allah ikut bergabung sama? Allah menjelaskan dengan firmanNya dalam ayat 23 surah ar-Ra'd:




Tafsirnya:

(Iaitu) syurga-syurga 'Adn, mereka masuk ke dalamnya bersama-sama orang-orang yang mengerjakan amal salih dari bapa-bapa (dan datuk nenek) mereka dan isteri-isteri mereka serta zuriat keturunan mereka, sedang malaikat-malaikat akan masuk ketempat-tempat mereka dari semua pintu.

Ketiga: Mengenai orang-orang yang beriman (datuk nenek, ibu bapa), adakah anak cucu dan anak pinak mereka akan digabungkan dalam kehidupan akhirat nanti? Maka Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* menjanjikan bahawa selama mana mereka itu beriman dan melaksanakan suruhan dan meninggalkan larangan Allah, sekali pun mungkin mereka tidak pula setekun mana beribadah, namun dengan demikian itu serta dengan ikatan kukuh perkahwinan ibu bapa mereka serta jalinan tali kekeluargaan yang mereka jalinkan maka mereka akan digabungkan sama dalam kehidupan akhirat sebagaimana firman Allah, ayat 21 surah ath-Thur:





Tafsirnya:

Dan orang-orang yang beriman dan zuriat keturunan mereka yang mengikut mereka dalam keimanan, Kami pertemukan zuriat keturunan mereka itu dengan mereka (di dalam syurga) dan kami tidak mengurangi sedikitpun daripada (pahala) amalan mereka. Setiap orang terikat dengan amalan yang diusahakannya.

Penutup

Adalah jelas bahawa keluarga adalah terbentuk daripada suatu perkahwinan. Keluarga yang bahagia adalah manifestasi daripada perkahwinan yang berjaya, yang terjalin kukuh dengan ikatan yang disebut oleh Allah sebagai *mitsaqan ghaliza*.

Ikatan sedemikian kukuh itu memungkinkan terjalinnya ikatan kekeluargaan di kalangan anggota keluarga yang akan membawa kebahagiaan hidup di dunia dan kesejahteraan kehidupan akhirat.

Kita usahakanlah setiap keluarga di tanah air ini – terutama keluarga kita sendiri – dapat mencapai kebahagiaan dunia akhirat yang selayaknya kita impikan dan menjadi peta jalanan hidup setiap anggota keluarga.

Dan kita usahakan mencapai tujuan berpasangan suami isteri yang diikat oleh perkahwinan yang berkat yang mana kerana mencenderunggi terhadap satu sama lain dengan kasih sayang dan belas kasihan khasnya bertimbang rasa.

Demikianlah.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman.
(Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri).

Pejabat Menteri,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Bandar Seri Begawan.
Sabtu, 3 Rejab 1435/ 3 Mei 2014.